



22 Mei 2023

VPCM Raikan Pengedar Berprestasi Terbaik Menerusi Anugerah Pengedar 2022

- **Lee Motors Autohaus** dinobatkan sebagai **Pengedar Terbaik Volkswagen (Volkswagen Dealer of The Year)**
- **PHS Autohaus** dipilih sebagai penerima anugerah **Pengedar Das WeltAuto Terbaik (Das WeltAuto Dealer of The Year)**
- **Bakat-bakat individu** turut dihargai atas prestasi luar biasa mereka sebagai **Pengurus Jualan, Perunding Jualan, Pengurus Selepas Jualan, Pengurus Alat Ganti, Penasihat Servis dan Juruteknik**

Press contact

Shazmyir Rahman
Senior Executive, PR, VPCM
Tel: 016 – 972 2189
E: shazmyir.rahman@vw.com.my

KUALA LUMPUR – Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) baru-baru ini meraikan rakan-rakan pengedar yang menunjukkan prestasi terbaik dalam majlis Anugerah Terbaik 2022 (Dealer of the Year Awards) yang diadakan di The Westin Desaru Coast Resort, Johor.

Anugerah Pengedar Volkswagen mengiktiraf dan meraikan para pengedar dan kakitangan di atas pencapaian mereka dalam menyokong jenama Volkswagen di Malaysia sepanjang tahun 2022. Acara berkenaan dihadiri oleh wakil-wakil daripada semua 17 pengedar dalam rangkaian Volkswagen di seluruh negara.

Empat anugerah telah disampaikan di bawah kategori Pengedar Terbaik. Penilaian dan pemarkahan kriteria itu dibuat berdasarkan kepada usaha pengedar dari segi jualan, pemasaran, selepas jualan, kepuasan pelanggan, pematuhan standard pengedar dan kelayakan tenaga kerja. Prestasi pengedar tersebut dipantau bermula Januari hingga Disember 2022.

Anugerah Pengedar Terbaik diberikan kepada Lee Motors Autohaus (Volkswagen Alor Setar). Lee Motors Autohaus sebelum ini pernah dinobatkan sebagai Pengedar Terbaik 2021.

Penerima anugerah Pengedar Terbaik yang lain ialah:

- **MHV Autohaus** (Volkswagen Gombak) – tempat kedua
- **Goh Brothers Motor** (Volkswagen Juru) – tempat ketiga
- **PHS Autohaus (Volkswagen Puchong)** – kategori Das WeltAuto

Pengarah Urusan VPCM, Erik Winter berkata “Kami berbesar hati untuk menyampaikan anugerah-anugerah ini kepada pengedar yang layak serta kakitangan mereka di atas prestasi luar biasa dari segi jualan serta perkhidmatan selepas jualan.”



More information at:
Volkswagen Malaysia [website](#)
Volkswagen [newsroom](#)

Media Information



Bakat-bakat dalam rangkaian Volkswagen juga dihargai serta diberi pengiktirafan di atas prestasi luar biasa mereka sebagai Pengurus Jualan, Perunding Jualan, Pengurus Selepas Jualan, Pengurus Alat Ganti, Penasihat Servis dan Juruteknik.

Mereka telah diuji dari segi pencapaian KPI secara kualitatif dan kuantitatif di dalam tahap serta jawatan berbeza. Antara kriteria yang dinilai termasuklah sasaran jualan dan selepas jualan, kepuasan pelanggan, pematuhan ke atas proses dan prosedur, menghadiri latihan yang telah ditetapkan serta kelayakan.

Enam penerima anugerah Pencapaian Terbaik Keseluruhan ialah:

Chong Sze Yan dari WN Motorworld sebagai Pengurus Jualan Terbaik

Azharul Sham Hamsah dari MHV Autohaus sebagai Perunding Jualan Terbaik

Loh Sing Hoong dari MHV Autohaus sebagai Pengurus Selepas Jualan Terbaik

Muhammad Izzat Che Adnan dari Lee Motors Autohaus sebagai Pengurus Alat Ganti Terbaik

Soo Boon Hou dari Goh Brothers Motor sebagai Penasihat Servis Terbaik

Khairul Humaidi Shamsudin dari N3 Auto sebagai Juruteknik Terbaik

“Kami harap anugerah-anugerah ini akan menjadi penanda aras dan motivasi kepada rakan pengedar yang lain untuk turut sama menawarkan pengalaman terbaik kepada pelanggan. Tahniah kepada semua pemenang,” kata Erik

Maklumat lanjut, sila layari laman web: www.volkswagen.com.my.

###

Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) is the official distributor of Volkswagen cars in Malaysia. The Company has long-term aspirations in the country and focuses on growing the business sustainably by maintaining a strategic product portfolio, strengthening dealer network, and enhancing service and parts availability. VPCM is managed by Porsche Holding Salzburg, one of the largest and most successful automotive distributors in Europe. The Salzburg-based company was founded in 1947 and operates today in 29 countries throughout Europe, as well as in Colombia, Chile, China, Malaysia, Singapore, Brunei and Japan.
